

# al-Iqyad

JOURNAL OF ISLAMIC AND CONTEMPORARY ISSUES

E-ISSN 2650-1992

**VOL. 8, NO. 2 (2023)**



**Geometrics in the Illumination of Terengganu Quran Manuscript (L.M.N.T 2002.1)**

Omar, M., Ibrahim, M., Abdullah, I., Yaakub, R., Mohd Razali, H., Md Hashim, S. F., Daud, M. Z., & Jakaria, R. B.

1107-1118

**The Relevance of *al-Kay's* Treatment according to the Perspective of Prophetic Hadith**

Usman, A. H., Muhammad Noor, U., & Azwar, A.

1119-1131

**Research on Thematic Exegesis in Malaysia: A Literature Review from 2019 to 2023**

Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z.

1132-1145

**Sayyid Quṭb and His Methodology in Dealing with the Verses Related to Prophetic History: An Analytical Study in His Exegesis "Fī Zilāl al-Qur'ān"**

Ismail, M. A., Abuzaed, W. A., & Mohd, N.

1146-1165

**Zakat Capital Assistance Programme for Asnaf Entrepreneurs: Issues and Challenges**

Zuhairah, I. A., Taha, R., Hamzah, M. A., Salleh, Z., Ahmad, N., Azmi, R., & Gambo, M. H.

1166-1177

***al-Kināyah* Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)**

Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y.

1178-1192

**The Dignity of *al-Mawḍū'ī's* Approach to Tafsir in the Writing of Tafsir in the Era of Globalization**


Abu Bakar, S., Hussin, H., Wan Abdullah, W. N., & Nur, A.

1193-1204

**The Topics of Islamic Literature in the Literary Works of Yūsuf al-'Azm**

Mohamad Zainol, N. F., Ahmad H. Osman, R., & Abdel Nasser Saeed, S.

1205-1222



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,  
Universiti Islam Selangor (UIS)**  
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia  
603-8911 7167 +603-8925 4402  
info@kuis.edu.my  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>

---

# Pendekatan Kinayah dalam Komunikasi Rasulullah SAW


## *al-Kināyah Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)*

Mohamad Hussin, Haji Mohammad Seman, Mat Taib Pa, Ahmad Arifin Sapar, Syakirah Rifa'in @ Mohd Rifain, & Yoyo Yoyo

To cite this article:


Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y. (2023). Pendekatan Kinayah dalam Komunikasi Rasulullah SAW. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1178-1192. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.406>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.396>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 29 December 2023

 Submit your article to this journal:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>


 View related articles:  
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>

---

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.





## Pendekatan Kinayah dalam Komunikasi Rasulullah SAW

### *[al-Kināyah Approach in Communication of Rasulullah (PBUH)]*

Mohamad Hussin<sup>1\*</sup>, Haji Mohammad Seman<sup>1</sup>, Mat Taib Pa<sup>1</sup>, Ahmad Arifin Sapar<sup>1</sup>,  
Syakirah Rifa'in @ Mohd Rifain<sup>1</sup>, & Yoyo, Yoyo<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Arabic and Middle Eastern Languages, Faculty of Languages and Linguistics, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, INDONESIA.

\* Corresponding Author: Dr. Mohamad Hussin. Department of Arabic and Middle Eastern Languages, Faculty of Languages and Linguistics, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. mohamadhussin@um.edu.my (+60) 19-808 1897. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0003-4922-1472>.

#### **Keywords:**

*al-Kināyah, Figure of Speech, Metaphorical Language, Hadith, SPEAKING Model.*

#### **ABSTRACT**

*al-Kināyah is a form of metaphorical language. Through it, the speaker can effectively communicate his/her meaning to ensure the listener's understanding of the intended idea. The Prophet Muhammad (PBUH) used this approach to convey an idea. This study aims to examine the contexts in which al-Kināyah was used by the Prophet (PBUH) with the application of Hymes's SPEAKING model. The data come from four selected hadiths from the books of Arabic *amthāl* collection. Findings demonstrate that the Prophet (PBUH) employed al-Kināyah in various contexts for a variety of reasons. He was found to use it in the context of giving orders to a cameleer, in imparting religious teachings to his companions, as well as in making bequests in the presence of community elders. These special expressions help to express a broader meaning and prevent the speaker from making use of otherwise unpleasant expressions. The implications of this study underscore the importance of mastering the elements of implicit language in understanding the true meaning of his words by those who venture into the study of the hadiths of the Prophet (PBUH).*

#### **Kata Kunci:**

*Kinayah, Makna Implisit, Kiasan, Hadis, Model SPEAKING.*

#### **ABSTRAK**

Kinayah merupakan satu bentuk bahasa kiasan. Melaluinya penutur mampu menyampaikan makna secara berkesan untuk mendekatkan pemahaman pendengar terhadap sesuatu idea yang dihasratkan. Rasulullah SAW menggunakan pendekatan ini untuk menyampaikan sesuatu idea. Kajian yang mengaplikasikan model SPEAKING Hymes ini bertujuan untuk meneliti konteks penggunaan elemen Kinayah dalam komunikasi Rasulullah SAW. Bahan kajian merupakan empat hadis pilihan yang terdapat dalam kitab-kitab himpunan *amthāl* Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menggunakan Kinayah dalam konteks yang berbagai dengan tujuan yang berbagai juga. Baginda SAW menggunakannya dengan pengemudi unta dalam konteks memberi arahan, dengan para sahabat dalam kontek menyampaikan bimibngan agama dan dengan orang yang berpengaruh dalam konteks memberi wasiat. Ungkapan ringkas yang diterapkan berfungsi menyumbang makna yang lebih luas serta membantu penutur mengelak daripada menyebut ungkapan yang kurang enak

daripada disebut secara terus. Implikasi kajian ini merumuskan peri pentingnya golongan yang menceburi bidang berkaitan hadis Rasulullah SAW menguasai elemen gaya bahasa implisit untuk lebih menguasai maksud kata sabdaan Baginda SAW.

#### ARTICLE HISTORY

Received: September 30, 2023  
Accepted: November 30, 2023  
Online Published: December 29, 2023

This is an open access article under the [CC BY-NC license](#).



#### To cite this article:

Hussin, M., Seman, H. M., Pa, M. T., Sapar, A. A., Mohd Rifain, S. R., & Yoyo, Y. (2023). Pendekatan kinayah dalam komunikasi Rasulullah SAW. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2), 1178-1192. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.406>

## I. PENDAHULUAN

Kinayah merupakan satu bentuk bahasa kiasan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud secara berkias. Hal ini kerana tidak semua maksud yang dihasratkan dapat disampaikan dengan bahasa terus sebaliknya dalam sesetengah situasi, komunikasi dengan gaya bahasa kiasan lebih sesuai dengan konteks dan lebih meninggalkan kesan kepada pendengar. Dengan demikian, komunikasi berkenaan memberikan kesan mendalam kepada pendengar dan lebih tajam maksud yang ingin disampaikan. Realitinya, sesuatu makna yang memerlukan usaha untuk memahami atau diperoleh setelah timbul keinginan untuk memahaminya, akan memberi kesan kepada pendengar. Kesannya lebih mendalam kepada jiwa pendengar (al-Jurjānī, 2001). Inilah antara kelebihan bahasa kiasan. Pendekatan ini mengajak pendengar berfikir dan menggabungkan maklumat sedia ada untuk memahami maksud yang disampaikan. Justeru, Rasulullah SAW menggunakan ungkapan seumpama ini untuk menghiasi percakapan Baginda SAW (Che Mat Amin & Abdullah, 2021; al-Ṣabbāgh, 1988). Oleh itu, pendekatan Kinayah Baginda SAW penuh dengan unsur kiasan dan perumpamaan yang menarik ('Atīq, t.th.). Malah Kinayah yang diterapkan oleh Rasulullah SAW dalam komunikasi berfungsi untuk menzahirkan makna hiperbola, bersifat figuratif, mampu menyumbang makna yang luas dengan menggunakan ungkapan yang ringkas, serta bercirikan eufemisme (Hussin & Abd Rahman, 2018). Penggunaan Kinayah dalam al-Quran juga didapati membawa fungsi yang sama di samping menzahirkan kebesaran Allah SWT dan keagungan-Nya (Saraswati & Rahmat, 2022).

Kepetahan Rasulullah SAW menuturkan ungkapan yang ringkas tetapi sarat dengan makna menyebabkan ungkapan yang dituturkan tersebar meluas, malah sebahagiannya diterima oleh masyarakat sebagai *amthāl* dalam penggunaan harian (Ḥamadī, 1982; Qaṭāmish, 1988). *Amthāl* ialah ungkapan yang ringkas, tetapi tepat maknanya yang mempunyai unsur perumpamaan antara dua perkara serta penggunaannya diterima dalam kalangan masyarakat sebagai peribahasa, perumpamaan dan bidalan (al-Maydānī, 1992). Ungkapan seumpama ini yang bersumberkan daripada Baginda SAW adalah banyak sehinggakan 'Abdullah ibn 'Amrū ibn al-'Aṣ RA diriwayatkan berkata: "Aku menghafaz seribu *amthāl* daripada Rasulullah SAW." (al-Rāmahurmuzī, 1983). al-Jāhīz (1968), menghimpunkan beberapa *amthāl* dan menyatakan ia bersumberkan Rasulullah SAW. Antaranya ialah *يَا حَيْلُ اللَّهِ! إِرْكِي /wahai kuda Allah! Maralah, مَا تَ حَتَفَ أَنْفَهُ /mati dalam keadaan musnah hidungnya, لَا يَنْتَطِحُ كُلُّ الصَّيْدِ الْآنَ حَمِي الْوَيْطِيسُ /sekarang dapur telah menjadi panas, فِيهِ عَنَزَانٌ /dua kambing jantan tidak akan berlaga dalam perkara ini, عَلَى دَحْنٍ وَجَمَاعَةٍ عَلَى أَفْدَائِهِ /perdamaian atas bara berasap dan فِي جَوْفِ الْفَرَا /semua hasil buruan di dalam perut keldai, لَا يُلْسَعُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرِ مَرَّتَيْنِ /orang mukmin tidak akan terpatuk dua kali dari lubang yang sama.*

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis elemen Kinayah dalam hadis Baginda SAW yang diterima sebagai *amthāl* oleh masyarakat dengan mengaplikasi model *SPEAKING* Hymes (1986) sebagai landasan. Kajian

bertujuan untuk menjawab persoalan berikut: Bagaimanakah Rasulullah SAW menggunakan elemen Kinayah dalam komunikasi Baginda SAW? Dan apakah keistimewaan Kinayah Baginda SAW?

## 2. PENGENALAN KINAYAH

Kinayah dari segi bahasa ialah bercakap tentang sesuatu tetapi yang dimaksudkan ialah perkara lain. Ia adalah kata nama terbitan daripada perkataan كَيْ - يَكِي - كَيْتَة. Dikatakan عَنْ كَذَا، apabila saya bercakap tentang sesuatu dengan perkataan yang lain untuk menunjukkan maksudnya (Ibn Fāris, 1994).

Dari sudut istilah, al-Jurjānī (1999) mendefinisikan Kinayah sebagai perihal seorang penutur yang ingin menyampaikan sesuatu makna, tetapi tidak menggunakan ungkapan yang sememangnya menunjukkan makna tersebut, sebaliknya mendatangkan ungkapan lain yang memberi isyarat kepada makna yang dikehendakinya. Kinayah juga didefinisikan sebagai suatu ungkapan yang memberi maksud yang lazim baginya, walaupun harus juga difahami dengan maksudnya yang asal ('Atīq, 1998; 'Abbās, 2009). Contohnya untuk menggambarkan seseorang wanita yang kaya dan hidup dalam kemewahan, masyarakat Arab menggunakan ungkapan نُؤُومُ الصُّحَى /tidur sehingga waktu Duha. Hal ini kerana, wanita yang kaya lazimnya ada pembantu yang menguruskan keperluannya. Dengan demikian, dia boleh tidur sehingga siang hari. Walau bagaimanapun, ungkapan berkenaan juga boleh difahami dengan maksudnya yang sebenar iaitu wanita berkenaan banyak tidur ('Abbās, 2009).

Berdasarkan keterangan ini, Kinayah berpaksikan konteks bagi membentuk makna baharu. Kinayah berlaku apabila suatu ungkapan digunakan untuk melahirkan makna kedua yang dikehendaki oleh penutur di samping makna asalnya. Melalui pendekatan Kinayah, akan lahir ungkapan yang tinggi nilai kepetahannya yang menghasilkan makna baharu daripada makna asal suatu perkataan. Unsur bukan linguistik, iaitu penggunaan ungkapan dalam sosiobudaya masyarakat memainkan peranan dalam memahami maksud ungkapan نُؤُومُ الصُّحَى iaitu wanita kaya kerana kelazimannya dia mempunyai pembantu yang menguruskan keperluannya. al-Mutanabbī ketika memuji khalifah Sayf al-Dawlah berkata:

فَمَسَاهُمْ وَنُسَطُهُمْ حَرِيرٌ وَصَبَّحَهُمْ وَنُسَطُهُمْ تُرَابٌ

“Mereka itu, ketika malam hampan mereka adalah sutera; ketika subuh menjelang, hampan mereka adalah tanah.”

al-Mutanabbī ingin mengatakan bahawa khalifah yang dipujinya iaitu Sayf al-Dawlah telah menyerang musuhnya dari Bani Kilāb yang menghabiskan waktu malam mereka dengan suasana penuh kemewahan dan kemuliaan. Akan tetapi apabila menjelang subuh, mereka semuanya menjadi hina dan menempa maut lalu semuanya tidur beralaskan tanah. Ungkapan وَنُسَطُهُمْ حَرِيرٌ /hampan mereka adalah sutera adalah Kinayah kepada kemuliaan, manakala ungkapan وَنُسَطُهُمْ تُرَابٌ /hampan mereka adalah tanah pula adalah Kinayah kepada kehinaan. Akan tetapi kedua-dua ungkapan ini tidak menghalang pembaca daripada memahaminya dengan maksud yang asal, iaitu tidur beralaskan sutera dan juga tidur beralaskan tanah ('Atīq, t.th.). Inilah keistimewaan Kinayah. Penggunaan Kinayah memungkinan pendengar memahaminya dengan makna kiasan dan memungkinan juga pendengar memahami dengan makna asal, tanpa menjejaskan maknanya (Ibn al-Athīr, 1998).

### 2.1 Jenis Kinayah

Kinayah boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kiasan kepada sifat, kiasan kepada diri sesuatu, dan kiasan kepada nisbah sesuatu atau sandaran. Daripada ketiga-tiga elemen inilah diletakkan asas dalam mengklasifikasikan Kinayah kepada tiga jenis ('Abbās, 2009):

- i. Kinayah simbolik sifat (*Kināyah 'an ṣifah*)
- ii. Kinayah simbolik diri (*Kināyah 'an mawṣūf*)
- iii. Kinayah simbolik kaitan (*Kināyah 'an nisbah*).

Dalam Kinayah simbolik sifat, penutur akan menyebut diri sesuatu, kemudian dinisbahkan kepadanya sesuatu sifat. Akan tetapi sifat yang dinyatakan itu bukanlah sifat yang dikehendaki, sebaliknya ia adalah kiasan

kepada suatu maksud yang lazim bagi ungkapan berkenaan. Contohnya dalam ayat *فُلَانٌ كَثِيرٌ الرَّمَادِ /si Polan banyak abu*. Dinyatakan diri sesuatu iaitu *si Polan*, kemudian dinisbahkan kepadanya sesuatu sifat tertentu iaitu *banyak abu*. Akan tetapi yang dimaksudkan daripada sifat yang dinyatakan itu ialah suatu maksud lain yang lazim bagi ungkapan berkenaan. Hal ini kerana *banyak abu* lazimnya berpunca daripada banyak kali membakar, banyak kali membakar lazimnya menunjukkan banyak kayu api yang digunakan, banyak kayu api digunakan lazimnya menunjukkan seseorang itu banyak memasak, banyak memasak pula lazimnya menunjukkan bahawa seseorang itu banyak menerima tetamu. Semua kelaziman ini menunjukkan bahawa seseorang itu pemurah dan mempunyai kedudukan dalam masyarakat ('Abbās, 2009).

Kinayah simbolik diri terjadi apabila dinyatakan sifat dan nisbahnya tetapi tidak dinyatakan diri sesuatu yang dimaksudkan. Contohnya sabda Rasulullah SAW: ... *خَيْرُ نِسَاءٍ رَكِيْنُ الْوَيْلِ* /sebaik-baik wanita ialah yang menunggang unta... [al-Bukhārī, *Kitāb al-Nikāh, Bāb Ilā man yankih...*, nombor hadis 4794]. Rasulullah SAW menyatakan sifat, iaitu perlakuan menunggang unta dan dinisbahkan kepada sebaik-baik wanita, tetapi Baginda SAW tidak menyatakan golongan wanita yang dimaksudkan. Maksud yang dikehendaki di sebalik penggunaan ungkapan ini ialah wanita Arab kerana lazimnya merekalah golongan yang menunggang unta. Justeru, terdapat elemen Kinayah simbolik diri dalam pemakaian ungkapan berkenaan.

Kinayah simbolik kaitan pula terjadi apabila dinyatakan dengan jelas sifat dan diri sesuatu, akan tetapi tidak dinyatakan nisbahnya, sedangkan nisbah yang diinginkan daripada ungkapan berkenaan. Ibn Nuwās dalam 'Abbās (2009) berkata:

فَمَا حَازَهُ الْجُوْدُ وَلَا حَلَّ دُونَهُ      وَلَكِنْ يَسِيرُ الْجُوْدُ حَيْثُ يَسِيرُ

“Sifat pemurah tidak melepasinya dan tidak ada pada selainnya tetapi pemurah itu bergerak bersamanya ke mana saja dia pergi.”

Dalam bait ini terdapat Kinayah simbolik kaitan iaitu penyair ingin memuji seseorang sebagai pemurah. Akan tetapi beliau tidak menyatakannya secara terus, sebaliknya dinyatakannya dalam bentuk Kinayah simbolik kaitan. Lalu digambarkan sifat mulia berkenaan bergerak bersama dengan orang yang dipuji itu ke mana sahaja dia bergerak. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa orang berkenaan yang bersifat pemurah ('Atiq, 1998).

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Data kajian merupakan empat hadis yang diterima pakai sebagai *amthāl* dan terdapat dalam kitab himpunan *amthāl*. *Amthāl* yang dipilih pula dipastikan terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *Ṣaḥīḥ Muslim*. Batasan ini dibuat untuk memastikan bahawa perkataan dan makna *amthāl* berkenaan daripada Rasulullah SAW.

Dapatan kajian terdahulu menegaskan bahawa hadis-hadis daripada dua sumber ini diriwayatkan dengan perkataan dan maknanya sekali (Abū 'Awdah, 1990). Manakala *Majma' al-Lughat al-'Arabiyyah* di Kaherah dalam al-Sharqāwī (1989), pula meletakkan syarat sesuatu hadis yang dijadikan sebagai hujah dalam bidang bahasa mestilah terdapat dalam kitab sahih yang enam, iaitu al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwud, al-Tirmidhī, Ibn Mājah dan al-Nasā'ī, di samping lafaznya berbentuk *jawāmi' kalim*. Atas justifikasi ini, maka bahan kajian yang dipilih dipastikan mempunyai elemen Kinayah, berbentuk *jawāmi' kalim* dan diriwayatkan dalam salah satu daripada dua sumber tersebut. Empat *amthāl* dipilih untuk dianalisis kerana sampel-sampel ini menepati justifikasi yang telah dinyatakan. Dalam memastikan kesahan data kajian, rujukan balaghah dan syarahan hadis yang menfokuskan elemen linguistik berautoriti, seperti al-Ṭirāz oleh al-'Alawī (2002) dan al-Nihāyat fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār oleh Ibn al-Athīr (1963) dirujuk.

Analisis dilakukan dengan menggunakan model SPEAKING oleh Hymes (1986). Justifikasi penggunaan model ini adalah kerana model ini merupakan alat untuk membantu mengenal pasti dan melabelkan komponen linguistik yang didorong oleh pandangan beliau bahawa untuk mengetahui bahasa dengan betul, seseorang bukan sahaja perlu mempelajari perbendaharaan kata dan tatabahasanya, tetapi juga konteks di mana perkataan itu digunakan. Menurut Hymes (1986), dalam satu konteks pertuturan terdapat enam belas (16) elemen yang perlu dipertimbangkan dan disimpulkan dalam lapan (8) akronim SPEAKING. Elemen tersebut ditunjukkan oleh Jadual 1.

**Jadual 1**

*Elemen Konteks Berdasarkan Model SPEAKING oleh Hymes (1986)*

Akronim	Model <i>SPEAKING</i>	Konteks
S	<i>Setting and Scene</i> (latar dan situasi)	<i>Setting</i> berkenaan dengan masa dan tempat komunikasi berlangsung. <i>Scene</i> merujuk kepada situasi tempat dan waktu atau situasi psikologi komunikasi.
P	<i>Participants</i> (peserta)	Pihak-pihak yang terlibat dalam komunikasi, sama ada penutur dan pendengar, atau penyapa dan orang yang disapa, atau pengirim dan penerima.
E	<i>Ends</i> (tujuan)	Maksud dan tujuan komunikasi serta keputusan yang dijangka daripadanya.
A	<i>Act Sequence</i> (urutan lakuan)	Merujuk kepada turutan peristiwa. Apa yang berlaku dahulu dan seterusnya seperti dalam komunikasi formal dimulakan dengan kata-kata aluan dan diikuti oleh tepukan audiens.
K	<i>Key</i> (ragam)	Nada dan cara suatu komunikasi itu berlangsung, seperti gembira, marah, bersungguh atau melawak.
I	<i>Instrumentalities</i> (alat atau saluran)	Jalur bahasa yang digunakan seperti lisan atau tulis dan juga merujuk kepada kod ujaran yang digunakan, seperti dialek, bahasa pasar atau seumpamanya.
N	<i>Norm of Interaction and Interpretation</i> (norma)	Norma atau aturan dalam berinteraksi dan juga merujuk kepada tafsiran pendengar terhadap ujaran.
G	<i>Genre</i> (genre)	Jenis bentuk penyampaian sama ada naratif, puisi, pepatah, khutbah, perbualan biasa, doa dan sebagainya.

Model ini dilontarkan oleh [Hymes \(1986\)](#) untuk memperluaskan pemahaman tentang hubungan antara konteks dengan bahasa yang digunakan dalam sesebuah masyarakat.

**4. ELEMEN KINAYAH DALAM HADIS RASULULLAH SAW**

Pendekatan Kinayah digunakan oleh Rasulullah SAW secara meluas dalam menyampaikan sesuatu maksud yang diinginkan ([al-Shak'ah, 1995](#)). Malah menurut [Hamūd \(2010\)](#), banyak ungkapan kata merupakan hasil inovasi Rasulullah SAW yang menyumbang ke arah memperkayakan perbendaharaan kata Arab, seperti ungkapan *أَشِيرُ إِلَيْهِ بِالْأَصَابِعِ* /ditunjuk kepadanya dengan jar-jemari, yang digunakan secara Kinayah untuk menggambarkan kemasyhuran seseorang. Dan *رُفِعَتِ الْأَفْئَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ* /pena telah diangkat, lembaran telah kering, yang digunakan secara Kinayah untuk menunjukkan sesuatu perkara itu sudah diputuskan. Antara contoh penggunaan Kinayah dalam komunikasi Rasulullah SAW adalah seperti berikut:

**4.1 Peristiwa 1**

Anas ibn Mālik RA meriwayatkan bahawa Anjashah RA menyanyikan irama *hadā'* ketika beliau membawa unta yang ditunggangi oleh segolongan wanita dalam satu perjalanan. Apabila mendengar pengembalanya menyanyikan irama berkenaan, unta akan bergerak pantas dan cergas dan akan melelahkan penunggang di atasnya. Melihat keadaan itu Rasulullah SAW menasihatinya supaya bertimbang rasa dengan golongan wanita yang berada di atas tunggangan berkenaan dengan bersabda ([al-Rāmahurmuzī, 1983](#); [al-Tha'ālubi, 1983](#)):

... رُوَيْدَكَ سَوْفَكَ بِالْقَوَارِيرِ ...

Maksudnya:

“... Hati-hati, kamu bawa botol kaca...”

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Mā yajūz min al-shi'ir...*, nombor hadis 5797]

Dalam riwayat yang lain diceritakan bahawa Barrā' ibn Mālik RA memimpin unta tunggangan kaum lelaki, manakala Anjashah RA memimpin unta yang ditunggang oleh kaum wanita ([Aḥmad, Musnad al-Mukaththirīn min al-Ṣaḥābah, Musnad Anas ibn Mālik RA](#), nombor hadis 13877, Sahih). Melalui riwayat ini adalah jelas bahawa peristiwa ini berlaku dengan kehadiran sejumlah besar para sahabat, lelaki dan wanita. Rasulullah SAW menegur perlakuan Anjashah RA dengan menggunakan pendekatan Kinayah simbolik diri, iaitu dengan menggunakan perkataan *botol kaca* dan maksud yang diinginkan ialah golongan wanita ([Ibn al-Athīr, 1998](#)). Latar komunikasi hadis ini boleh dipaparkan berdasarkan model *SPEAKING* Hymes seperti Jadual 2.

Jadual 2  
Elemen Konteks dalam Hadis Peristiwa 1

Akronim	Model <i>SPEAKING</i>	Konteks
S	<i>Setting and Scene</i>	Latar tempat: Dalam perjalanan antara Mekah dengan Madinah (Abū 'Umar, 1992).
P	<i>Participants</i>	Latar masa: Dalam perjalanan menunaikan haji <i>Wada'</i> (Abū 'Umar, 1992). Peserta dalam komunikasi ini boleh ditandai seperti berikut: P1: Anjashah RA yang menyanyikan irama <i>hadā'</i> P2: Rasulullah SAW yang menegur perlakuan Anjashah RA P2: Barrā' ibn Mālik RA yang juga memandu unta lain P3: Wanita di atas kenderaan P4: Sejumlah para sahabat peserta rombongan haji <i>Wada'</i>
E	<i>Ends</i>	Tujuan komunikasi ini ialah menegur perlakuan Anjashah RA yang menyanyikan irama <i>hadā'</i> supaya berhenti kerana perlakuannya menyebabkan unta menjadi agresif dan melelahkan wanita di atasnya. Rasulullah SAW ingin Anjashah RA mengambil tindakan segera berhenti daripada perlakuannya.
A	<i>Act Sequence</i>	- Anjashah RA memandu unta yang ditunggang oleh sejumlah golongan wanita sambil menyanyikan irama <i>hadā'</i> . - Tindakan itu menyebabkan unta menjadi agresif dan melelahkan penumpang wanita di atas belakang unta. - Rasulullah SAW menegur perlakuan berkenaan (al-Bukhārī, 2010).
K	<i>Key</i>	Rasulullah SAW memberi respons yang menunjukkan kesungguhan dengan menggunakan bahasa lisan melalui pendekatan Kinayah serta pengguguran beberapa komponen ayat.
I	<i>Instrumentalities</i>	Teguran lisan.
N	<i>Norm of Interaction and Interpretation</i>	Adab menegur dengan menggunakan pendekatan Kinayah.
G	<i>Genre</i>	Ayat suruhan.

Peristiwa komunikasi ini berlaku antara Rasulullah SAW dengan Anjashah RA dengan kehadiran sejumlah para sahabat. Melalui hadis riwayat Ahmad (2008), diketahui bahawa Barrā' ibn Mālik RA turut berada di tempat komunikasi berlaku dengan peranan sebagai pembawa unta yang ditunggang oleh peserta lelaki, manakala Anjashah RA membawa rombongan wanita. Justeru, terdapat kehadiran sejumlah peserta yang ramai dalam peristiwa ini.

Latar masa pula dapat dipastikan berlaku selepas peristiwa hijrah ke Madinah kerana kehadiran Umm Sulaym RA seperti dalam riwayat al-Bukhārī (2010). Dalam riwayat berkenaan dinyatakan:

أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى بَعْضِ نِسَائِهِ وَمَعَهُنَّ أُمُّ سَلِيمٍ، فَقَالَ: وَبِحُكِّ يَا أُجَيْشَةَ زُوَيْدَكَ سَوْفًا بِالْقَوَارِيرِ...

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Adab, Bāb Mā yajūz min al-shi'ir...*, nombor hadis 5797]

Maksudnya:

“Nabi SAW datang kepada sebahagian isterinya, dan bersama mereka adalah Umm Sulaym, RA lalu Baginda SAW bersabda: “Awah wahai Anjashah! hati-hati! kamu bawa botol kaca”.”

Umm Sulaym RA adalah ibu kepada Anas ibn Mālik RA dan kedua mereka merupakan penduduk Madinah yang memeluk Islam selepas peristiwa Hijrah (Abū 'Umar, 1992). Melalui peristiwa yang dirakamkan oleh Abū 'Umar (1992), dapat dipastikan masa komunikasi berlaku dalam perjalanan menunaikan haji *Wada'*. Haji *Wada'* berlaku pada tahun ke-10 hijrah (Ibn Kathīr, 1983). Justeru, dapat disimpulkan bahawa peristiwa ini berlaku dalam perjalanan menunaikan haji *Wada'* pada tahun ke-10 selepas hijrah Rasulullah SAW ke Madinah.

Tujuan komunikasi ialah menegur perlakuan Anjashah RA yang menyanyikan lagu *hadā'*. Apabila pengembalanya menyanyikan lagu ini, unta akan menjadi cergas dan bergerak laju (Abū 'Umar, 1992). Keadaan ini akan melelahkan penunggang yang berada di atas belakang unta berkenaan. Melihat situasi tersebut, Rasulullah SAW menegur perlakuannya kerana bersimpati terhadap penumpang wanita di atas belakang unta.

Tindakan Baginda SAW menegur dengan menggunakan pendekatan menggugurkan beberapa komponen ayat menunjukkan bahawa situasi komunikasi ialah situasi bersungguh dan Baginda SAW mengharapkan respons segera daripada pendengar. Perkataan *زُوَيْدَكَ* dan *سَوْفًا* datang dalam kasus *manṣūb* yang menunjukkan terdapat pengguguran komponen ayat dalam binaan ayatnya. Perkataan *زُوَيْدَكَ* datang dengan kasus *manṣūb* kerana

berkedudukan sebagai kata sifat kepada kata dasar yang digugurkan. Andaiannya ialah *سُقِّ سَوْقًا رُوَيْدًا* /*pandulah dengan perlahan-lahan*, iaitu perintah supaya berhati-hati apabila membawa wanita menaiki kenderaan. Begitu juga dengan perkataan *سَوْقَكَ* juga dengan kasus *manṣūb* kerana terdapat pengguguran partikel *Jarr*. Andaiannya ialah *اِزْفِقْ فِي سَوْقِكَ بِالْعَوَارِيرِ* /*berhati-hatilah apabila membawa botol kaca* (al-Nawawī, 1994). Pengguguran ini sesuai dengan konteks kerana penutur dalam konteks memberi arahan yang memerlukan pendengar memberikan tindak balas segera tanpa tangguh. Hal ini kerana Rasulullah SAW memberi arahan kepada Anjashah RA supaya berhati-hati dan memperlakukan untanya serta Baginda SAW mengharapkan tindak balas segera daripadanya.

Dalam konteks memberikan arahan supaya bersimpati dengan golongan wanita, Rasulullah SAW menggunakan perkataan *فَوَارِيرٌ* iaitu *botol kaca* secara Kinayah. Petunjuk yang menunjukkan terdapat penggunaan unsur Kinayah dalam ungkapan ini difahami berdasarkan konteks situasi peristiwa ini. Hal ini kerana tiada botol kaca yang sebenar dalam peristiwa tutur ini. Aspek persamaan antara wanita dengan botol kaca ialah keduanya lazimnya mudah pecah. Justeru, Kinayah yang digunakan ialah dari jenis Kinayah simbolik diri. Menurut al-'Alawī (2002), penggunaan perkataan *botol kaca* secara Kinayah bagi merujuk kepada golongan wanita boleh dilihat daripada tiga sudut:

- i. Peranan golongan ini yang bagaikan bekas, sentiasa melindungi janin di dalam perutnya. Bekas yang melindungi sesuatu umpama botol kaca yang memelihara kandungan di dalamnya.
- ii. Tabiat wanita yang bersih, berseri, cantik dan menarik.
- iii. Memiliki sifat lembut, halus dan mudah terkesan seperti botol juga mudah pecah berderai kerana kerapuhannya.

Sudut ketiga ini yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW. Perempuan dengan sifat semula jadi yang lemah lembut, halus, sensitif dan mudah tersentuh bagaikan botol kaca yang mudah pecah walaupun dengan sentuhan yang sedikit. Inilah persamaan antara botol kaca dengan golongan wanita. Kedua-duanya jika tidak dijaga lazimnya terdedah kepada bahaya dan akan mudah rosak. Perempuan mungkin terjejas hanya dengan perkataan yang dihamburkan atau tindakan yang kasar atau kerana situasi yang melukakan hatinya. Justeru, makna yang ingin disampaikan adalah berhati-hatilah dalam semua urusan yang melibatkan wanita sepertimana seseorang berhati-hati apabila menggunakan botol kaca.

Apabila dijalinan antara perlambangan yang digunakan, binaan ayat serta konteks nas, akan muncul makna implisit yang luas yang dikehendaki oleh penutur. Apabila digunakan ungkapan *hati-hati dengan botol kaca*, terbayang maksudnya iaitu segala tindakan yang perlu apabila menggunakannya untuk mengelaknya pecah. Apabila perlambangan ini diguna secara Kinayah kepada kaum wanita, tergambarlah di benak pemikiran pendengar segala langkah dan tindakan yang perlu diberi pertimbangan apabila berurusan dengan kaum wanita dalam urusan kehidupan harian. Justeru, ungkapan ini diterima oleh masyarakat Arab sebagai *amthāl* yang digunakan dengan maksud galakan bersikap lembut terhadap kaum wanita, memberikan suatu tugas bersesuaian dengan keadaan fizikal dan keperluan meraikan kemampuan mereka dalam menanggung bebanan tugas atau menghadapi perjalanan jauh (al-Mu'allimī, 1994).

#### 4.2 Peristiwa 2

Abū Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menceritakan kisah seorang lelaki yang sedang bermusafir. Di pertengahan jalan, dia merasa amat dahaga, lalu dia turun mendapatkan air dari dalam telaga dan meminumnya. Apabila keluar dari telaga berkenaan, dia mendapati seekor anjing sedang terjelir lidah sambil memakan lumpur kerana kedahagaan. Dia berkata kepada dirinya: "Ia merasa dahaga seperti aku juga merasainya." Lalu dia memenuhkan air di dalam kasutnya, digigitnya kasutnya dengan mulutnya, kemudian dia memanjat telaga itu dan memberikan anjing itu minum. Lalu Allah SWT berterima kasih kepadanya dan mengampuninya. Para sahabat bertanya: "Adakah kami mendapat pahala dengan berihisan kepada binatang? Lalu Rasulullah SAW bersabda:

... فِي كُلِّ ذَاتٍ كَبِدٍ رَطْبَةٍ أَجْرٌ

Maksudnya:

"... (Ihsan) kepada semua benda yang mempunyai hati basah ada ganjaran."

[Muslim, *Kitāb al-Salām, Bāb Faḍl al-saqy al-bahā'im*..., nombor hadis 2244]

Latar komunikasi hadis ini boleh dipaparkan berdasarkan model *SPEAKING Hymes* seperti pada Jadual 3 di bawah:

**Jadual 3**  
*Latar Komunikasi Hadis Peristiwa 2*

Akronim	Model <i>SPEAKING</i>	Konteks
S	<i>Setting and Scene</i>	Latar tempat: Dalam satu peristiwa dengan kehadiran sejumlah para sahabat (al-Bukhārī, 2010). Latar masa: Tidak dinyatakan, berkemungkinan berlaku di Madinah kerana kehadiran Abū Hurairah RA, dan beliau memeluk Islam selepas peristiwa Hijrah di Kota Madinah (Abū 'Umar, 1992).
P	<i>Participants</i>	P1: Rasulullah SAW P2: Perawi Abū Hurairah RA P3: Sekumpulan para sahabat
E	<i>Ends</i>	Tujuan komunikasi ialah untuk menyatakan kewajipan dan ganjaran melakukan ihsan kepada makhluk bernyawa.
A	<i>Act Sequence</i>	- Rasulullah SAW menceritakan kisah seorang lelaki yang bermusafir di tengah padang pasir yang diampunkan dosa kerana memberi minum air anjing yang kehausan. - Para sahabat yang berada dalam majlis bertanyakan soalan. - Rasulullah SAW menjawab soalan berkenaan (al-Bukhārī, 2010; Muslim, 1998)
K	<i>Key</i>	Rasulullah SAW menggunakan pendekatan bercerita untuk menimbulkan perasaan ingin tahu para sahabat. Terdapat penyoalan daripada pendengar dan Rasulullah SAW memberi respons dengan menggunakan bahasa lisan melalui pendekatan Kinayah serta pengguguran beberapa komponen ayat.
I	<i>Instrumentalities</i>	Bahasa lisan melalui kaedah bercerita.
N	<i>Norm of Interaction and Interpretation</i>	Komunikasi berlaku mengikut aturan iaitu Rasulullah SAW bercerita, sahabat mencelah dengan penyoalan setelah Baginda SAW selesai bercerita dan Baginda SAW memberi respons kepada soalan berkenaan (al-Bukhārī, 2010).
G	<i>Genre</i>	Perbualan biasa dengan menggunakan pendekatan bercerita.

Peristiwa komunikasi ini berlaku antara Rasulullah SAW dengan para sahabat. Berdasarkan penyoalan yang menggunakan pola jamak *قَالُوا* diketahui bahawa ramai sahabat yang terlibat dalam komunikasi ini. Latar masa pula tidak dapat dipastikan. Berdasarkan kepada periwayatan hadis, berkemungkinan peristiwa ini berlaku selepas daripada hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Hal ini kerana perawi yang meriwayatkan hadis ini ialah Abu Hurairah RA dan beliau memeluk Islam pada tahun berlakunya peperangan Khaybar pada tahun ke-7 Hijrah (Abū 'Umar, 1992).

Tujuan komunikasi adalah untuk mengajar para sahabat mengenai kelebihan melakukan kebaikan kepada makhluk bernyawa. Baginda SAW memulakan komunikasi dengan menceritakan kisah seorang lelaki yang sedang berjalan. Melalui komentar al-'Aynī (2005), yang dipindahkan daripada al-Dāraqutnī diketahui bahawa lokasi cerita yang disampaikan Baginda SAW berlaku di padang pasir. Baginda SAW meneruskan cerita mengenai lelaki berkenaan yang mendapat ganjaran dan diampunkan dosanya kerana memberi minum kepada seekor anjing yang kehausan. Pendekatan Baginda SAW menimbulkan perasaan ingin tahu pendengar. Lalu mereka bertanya mengenai kemungkinan mendapat pahala kerana berbuat ihsan kepada ibnatang. Kesempatan itu digunakan oleh Baginda SAW untuk menyampaikan bimibngan agama mengenai galakan berbuat baik kepada semua makhluk yang bernyawa.

Dalam hadis ini terdapat penggunaan ungkapan bukan dengan maknanya yang asal, iaitu ungkapan *كَيْدٍ رَطْبَةٍ* /hati yang basah. Ungkapan ini digunakan secara Kinayah oleh Rasulullah SAW dengan makna *benda hidup bernyawa*, kerana basah adalah kelaziman bagi sesuatu yang hidup (Ibn Hajar, 1989). Menurut al-Nawawī (1994), benda hidup dinamakan pemilik hati yang basah kerana benda yang mati akan kering jasad dan hatinya. Justeru, terdapat Kinayah simbolik sifat dalam ungkapan ini.

Berdasarkan konteks, Rasulullah SAW ingin menunjukkan kelebihan sifat ihsan kepada ibnatang. Lalu Baginda SAW menceritakan kisah seorang lelaki yang berkelana di tengah padang pasir yang mendapat balasan besar iaitu diampunkan dosanya. Lelaki itu diampunkan dosanya hanya kerana membantu seekor anjing yang kehausan. Adakah memberi minum anjing yang pada pandangan umumnya adalah jijik, hina dan tidak diberi perhatian, akan mendapat balasan yang besar? Timbul persoalan dalam kalangan para sahabat. Lalu Baginda SAW meletakkan asas yang paling kukuh dalam agama iaitu keperluan berihisan terhadap semua benda yang

bernyawa. Baginda SAW bersabda: *كُلُّ دَاتٍ كَبِدٍ رَطْبَةٍ أَجْرٌ /berbuat ihsan kepada semua yang memiliki hati basah ada ganjarannya.*

Ungkapan *hati yang basah* adalah Kinayah kepada sesuatu yang hidup. Justeru, semua benda yang hidup, bernyawa memerlukan ihsan daripada manusia dan manusia akan diganjar atas sifat ihsannya, walaupun ia adalah seekor ibnatang yang jijik pada pandangan manusia.

Pendepanan partikel *كُلُّ* yang digandingkan dengan *ism nakirah* di awal ayat lebih menjelaskan maksud yang ingin disampaikan. [Ibn Hishām \(1999\)](#), berkata bahawa *كُلُّ* adalah satu kata nama yang digunakan untuk menunjukkan makna merangkumi semua jenis, sama ada *nakirah*, seperti firman-Nya: *كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ /Tiap-tiap yang bernyawa akan merasakan mati* (Āli ‘Imrān [3] ayat 185) atau *ma‘rifah* seperti firman-Nya: *وَكُلُّهُمْ آتِيهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَرْدًا /Dan tiap-tiap mereka akan datang kepada Allah SWT pada hari kiamat dengan sendiri-sendiri* (Maryam [19] ayat 95).

Justeru, apabila Rasulullah SAW menggunakan partikel *كُلُّ* yang digandingkan dengan *isim nakirah* *دَاتٍ كَبِدٍ رَطْبَةٍ* yang menunjukkan bahawa maksud yang dikehendaki ialah semua jenis makhluk yang bernyawa, tanpa mengira sama ada makhluk berkenaan manusia atau binatang, binatang berkenaan halal atau haram, jinak atau liar, disukai atau dipandang jijik. Semua perlakuan ihsan kepada makhluk berkenaan dikira kebajikan dan diberi ganjaran.

Terdapat pengguguran kata dalam ungkapan ini. [al-‘Aynī \(2005\)](#), mengandaikan maksudnya ialah *في إزواء /dalam menghilangkan haus*. Manakala [Ibn al-Athīr \(1963\)](#), pula mengandaikan *في سقي /dalam memberi minum*. [al-Nawawī \(1994\)](#), pula mengandaikan maksudnya sebagai *في الإحسان /dalam berbuat ihsan*. Pada pandangan pengkaji, pengguguran kata dalam nas mempunyai fungsi yang sangat besar. Hal ini kerana apabila Rasulullah SAW menggugurkan perkataan *إزواء /menghilangkan haus*, atau *سقي /memberi minum*, atau *في الإحسان /berbuat ihsan*, pendengar boleh mentafsirkan makna yang lebih luas mengikut konteks. Pendengar akan memahami bahawa semua jenis perlakuan ihsan kepada binatang dituntut dalam agama, sama ada memberi makan, memberi minum, memberi perlindungan atau apa sahaja tindakan ihsan kepadanya.

Penggunaan rangkai kata yang ringkas *كُلُّ دَاتٍ كَبِدٍ رَطْبَةٍ /semua yang memiliki hati basah*, walaupun sedikit bilangan aksaranya mampu menjelmakan makna yang luas. Oleh hal yang demikian, ungkapan ini diterima oleh masyarakat sebagai *amthāl* dengan maksud galakan memberi makan dan minum kepada binatang, sepertimana manusia. Walaupun haiwan tidak boleh bertutur, haiwan juga bernyawa dan hidup. Justeru, haiwan juga memerlukan perhatian, makan dan minum seperti manusia. Sifat kasihkan binatang adalah baik dan diberikan ganjaran pahala ([al-Mu‘allimī, 1994](#)).

### 4.3 Peristiwa 3

Seorang sahabat Rasulullah SAW yang bernama Ṣa‘ṣa‘ah RA. telah meminta wasiat daripada Baginda SAW. Lalu Baginda SAW bersabda:

مَنْ يَضْمَنْ لِي مَا بَيْنَ لِحْيَتَيْهِ ، وَمَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ أَضْمَنْ لَهُ الْجَنَّةَ

[al-Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, Bāb Hifz al-lisān..., nombor hadis 6109]

Maksudnya:

“Sesiapa yang menjamin kepadaku benda yang berada antara dua tulang rahangnya dan antara dua kakinya aku jamin kepadanya syurga.”

Latar komunikasi hadis ini boleh dipaparkan berdasarkan model *SPEAKING Hymes* seperti pada Jadual 4 di bawah:

Jadual 4  
Latar Komunikasi Hadis Komunikasi 3

Akronim	Model <i>SPEAKING</i>	Konteks
S	<i>Setting And Scene</i>	Latar tempat: Tidak dinyatakan. Latar masa: Tidak dinyatakan, berkemungkinan berlaku selepas Hijrah ke Madinah kerana peserta komunikasi ialah Sa'sa'ah RA. Beliau memeluk Islam pada tahun ke-9 Hijrah selepas peristiwa pembukaan Kota Mekah.
P	<i>Participants</i>	P1: Rasulullah SAW P2: Sa'sa'ah RA.
E	<i>Ends</i>	Sa'sa'ah RA meminta wasiat dan Baginda SAW menyampaikan wasiat mengenai kepentingan memelihara lidah dan kemaluan.
A	<i>Act Sequence</i>	- Sa'sa'ah RA datang meminta wasiat daripada Rasulullah SAW. - Lalu Baginda SAW memberikan wasiat kepadanya (Ibn Hamzah, 1982).
K	<i>Key</i>	Terdapat permintaan daripada Sa'sa'ah RA dan Rasulullah SAW menunjukkan kesungguhan memenuhi permintaan dengan menggunakan pendekatan Kinayah dan ayat syarat.
I	<i>Instrumentalities</i>	Bahasa lisan dengan menggunakan pendekatan Kinayah dan ayat syarat.
N	<i>Norm of Interaction and Interpretation</i>	Komunikasi berlaku mengikut aturan iaitu sahabat meminta wasiat dan Rasulullah SAW menyempurnakan permintaannya.
G	<i>Genre</i>	Perbualan biasa.

Peristiwa dalam komunikasi ini berlaku antara Rasulullah SAW dengan seorang sahabat yang bernama Sa'sa'ah ibn Nājjyah al-Mujāshī'iy RA. Menurut Ibn al-Athīr (2012) dan Abū 'Umar (1992), beliau merupakan seorang pemimpin Bani Tamīm di kota Mekah dan tokoh dalam kalangan Bani Mujāshī'. Beliau seorang yang berpengaruh di zaman jahiliyah dan berpengaruh juga di zaman Islam (Ibn Kathīr, 1992). Sa'sa'ah RA datang bertemu Rasulullah SAW dan meminta wasiat daripada Baginda SAW (Ibn Hamzah, 1982). Justeru, hubungan antara Baginda SAW dengan Sa'sa'ah RA dalam konteks ini ialah hubungan seorang Rasul dengan umat dan seorang pemimpin yang memberi bimbingan kepada seorang pengikutnya yang berkedudukan.

Latar masa tidak dinyatakan secara khusus. Beliau dipercayai memeluk Islam bersama dengan rombongan Bani Tamīm pada tahun kesembilan Hijrah selepas peristiwa pembukaan kota Mekah. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2010), berkemungkinan Rasulullah SAW mengungkapkannya lebih dari sekali dalam situasi yang berbeza. al-Bukhārī (2010) meriwayatkan daripada Sa'd ibn Sahl RA daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda SAW bersabda:

مَنْ يَضْمَنْ لِي مَا بَيْنَ لِحْيَتِي ، وَمَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ أَضْمَنْ لَهُ الْجَنَّةَ

[al-Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, Bāb Hifz al-lisān..., nombor hadis 6109]

Maksudnya:

“Sesiapa yang menjamin kepadaku benda yang berada antara dua tulang rahangnya dan antara dua kakinya aku jamin kepadanya syurga.”

Tujuan komunikasi ini ialah untuk memenuhi permintaan seorang sahabat yang meminta supaya diberikan satu wasiat kepadanya. Kesempatan ini digunakan oleh Rasulullah SAW untuk menyampaikan wasiat dengan cara yang berkesan. Penyampaian pula disampaikan dengan menggunakan pendekatan Kinayah simbolik diri, iaitu dengan dinyatakan benda yang berada di antara dua tulang rahang, tetapi yang dimaksudkan ialah mulut dan dinyatakan benda yang berada di antara dua kaki tetapi yang dimaksudkan ialah kemaluan. Manakala gaya ayat syarat (الْجُمْلَةُ الشَّرْطِيَّةُ) dipilih sebagai medium untuk menyampaikan wasiat yang diminta. Ayat syarat berfungsi menimbulkan perasaan ingin tahu pada diri pendengar. Hal ini kerana ayat syarat terdiri daripada *fi'l shart* (فِعْلُ الشَّرْطِ) dan *jawāb shart* (جَوَابُ الشَّرْطِ). Apabila dinyatakan *fi'l shart*, pendengar akan ternanti-nanti *jawāb shart* dengan penuh perhatian. Sementara pula ayat syarat merupakan gaya bahasa yang paling jelas dan mampu menyampaikan maksud kepada semua peringkat manusia, “Sesiapa yang melakukan sekian... dia akan mendapat balasan sekian.” (Tāhir, 2004). Justeru, untuk menyampaikan wasiat seperti yang diminta, Baginda SAW memilih pendekatan yang paling jelas ini untuk menyampaikan maksud yang diinginkannya.

Pendekatan Kinayah yang digunakan ini mengisyaratkan makna yang lebih luas lagi, bukan hanya sekadar memperkatakan mengenai bahaya lidah, malah melibatkan semua perbuatan yang berpunca daripada mulut manusia. Menurut al-Dawūdī, sepertimana yang dinukilkan oleh Ibn Hajar (1989), apabila dinyatakan “di antara dua tulang rahangnya,” ia melibatkan mulut. Justeru, makna yang dikehendaki merangkumi semua

perlakuan yang melibatkan mulut seperti berkata-kata, memakan dan meminum serta semua perlakuan lain yang berpunca daripada mulut. Di antara dua tulang inilah terdapatnya anggota yang menjadi punca keselamatan atau kemusnahan manusia.

Kandungan wasiat Rasulullah SAW yang ingin disampaikan kepada Şa'ş'a'ah RA antaranya ialah memelihara kemaluan. Menyebut secara terus perkataan yang melibatkan aurat manusia seperti faraj, zakar atau seumpamanya agak kasar pada pandangan umum. Justeru, Rasulullah SAW tidak menyebut perkataan berkenaan secara terus, sebaliknya Baginda SAW menggunakan pendekatan Kinayah. Melalui pendekatan ini Rasulullah SAW berjaya mengelak daripada menyebut perkataan yang kurang enak tersebut, sebaliknya Baginda SAW menyatakannya secara berkias dengan menggunakan ungkapan “anggota yang berada antara dua kaki.” Hal ini merupakan kebiasaan dalam adab percakapan masyarakat Arab (*al-Tha'ālubī, t.th.*). Pendekatan yang dipilih ini menunjukkan adab Rasulullah SAW ketika berkomunikasi dengan masyarakat iaitu mengelak daripada menyebut secara terus perkataan yang melibatkan aurat manusia, sebaliknya memilih untuk menyatakannya secara Kinayah (*Sulong, 2013*). Sementara itu Baginda SAW sedang berhadapan dengan seorang yang berkedudukan dan dihormati (*Ibn al-Athīr, 2012; Ibn Kathīr, 1992*). Berkemungkinan status sosial pendengar juga mempengaruhi pemilihan pendekatan dalam penyampaian Baginda SAW. Hal ini kerana dalam situasi komunikasi dengan sahabat yang rapat, Baginda SAW menyebut perkataan zakar secara terus tanpa Kinayah. Contohnya hadis 'Alī ibn Abī Ṭālib RA diriwayatkan:

عَنْ عَلِيٍّ قَالَ: كُنْتُ رَجُلًا مَدَّاءً فَأَمَرْتُ رَجُلًا أَنْ يَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَكَانِ ابْنَتِهِ فَمَسَّأَلَ فَقَالَ: تَوَضَّأُ وَاغْتَسِلُ دَكَرَكَ

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ghusl, Bāb Ghasl al-madhy wa al-wuḍū' minh*, nombor hadis 266]

Maksudnya:

“Daripada 'Alī RA telah berkata: “Aku seorang yang mudah keluar mazi, lalu aku menyuruh seorang lelaki bertanya Rasulullah SAW kerana kedudukan anaknya (sebagai isteriku). Lelaki itu bertanya dan Rasulullah SAW menjawab: “Berwuduk dan basuhkan zakarmu”.”

Dalam hadis 'Abdullah ibn Umar RA pula diriwayatkan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّهُ قَالَ دَكَرَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ تُصِيبُهُ الْجُنَابَةُ مِنَ اللَّيْلِ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَوَضَّأُ وَاغْتَسِلُ دَكَرَكَ ثُمَّ نَمَّ

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ghusl, Bāb Ghasl al-madhy wa al-wuḍū' minh*, nombor hadis 286]

Maksudnya:

“Daripada 'Abdullah ibn 'Umar telah berkata, 'Umar ibn al-Khaṭṭāb RA telah menyebut kepada Rasulullah SAW bahawa dia telah berjunub pada waktu malam. Maka Baginda SAW bersabda: “Berwuduklah, basuh zakarmu kemudian tidur”.”

Dalam kedua-dua situasi ini, Baginda SAW tidak berselindung menyebut alat sulit lelaki kerana Baginda SAW sedang berhadapan dengan orang yang rapat dengan Baginda SAW dan dalam konteks memberikan bimibngan agama. Inilah antara fungsi Kinayah iaitu menyediakan ruang kepada penutur daripada menyebut perkataan yang jelic seperti zakar dengan beralih kepada perkataan berunsurkan eufemisme yang lazimnya menunjukkan kepada maksud yang dikehendaki. *al-Mubarrid (1998)*, menyatakan bahawa ini merupakan fungsi sebenar Kinayah. Menurut 'Abbās (2009), Kinayah menyediakan ruang kepada penutur untuk mengelak daripada menyatakan sesuatu yang kurang enak secara terus. Dengan demikian penutur akan merasa lega dan dapat menyampaikan keinginan dengan bebas dan aman.

#### **4.4 Peristiwa 4**

Daripada Anas ibn Mālik RA telah berkata, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الصَّبْرُ عِنْدَ الصَّدْمَةِ الْأُولَى

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Janā'iz, Bāb al-Şabr 'ind al-Şadamah al-ūlā*, nombor hadis 1240]

Maksudnya:

“Sabar yang sebenar ialah pada saat mula ditimpa musibah.”

Merujuk kepada latar belakang hadis ini, Rasulullah SAW mendapati seorang wanita sedang menangis di atas kubur anaknya. Rasulullah SAW berkata kepadanya: “Bertakwalah kepada Allah SWT dan bersabarlah.” Wanita itu membalas: “Jauhkan dirimu daripada saya. Kamu tidak menanggung musibah yang saya tanggung dan kamu tidak merasainya.” Wanita berkenaan tidak mengenali Rasulullah SAW ketika itu. Seseorang telah memberitahunya bahawa yang menegur itu ialah Rasulullah SAW. Lalu wanita itu pergi mendapatkan Rasulullah SAW. Beliau mendapati rumah Baginda SAW tidak mempunyai sebarang pengawal. Beliau mendapatkan Rasulullah SAW dan mengakui tidak mengenali Baginda SAW. Lantas Baginda SAW menasihatinya dengan berkata: “Sesungguhnya sabar yang sebenar di saat mula ditimpa musibah” (al-Bukhārī, 2010). Latar komunikasi hadis ini boleh dipaparkan berdasarkan model *SPEAKING Hymes* seperti pada Jadual 5 di bawah:

### Jadual 5

Latar Komunikasi Hadis Peristiwa 5

Akronim	Model <i>SPEAKING</i>	Konteks
S	<i>Setting and Scene</i>	Latar tempat: Di kawasan perkuburan dan di rumah Rasulullah SAW. Latar masa: Tidak dinyatakan, berkemungkinan berlaku di Madinah kerana diriwayatkan oleh Anas ibn Malik RA, seorang anak muda Ansar.
P	<i>Participants</i>	P1: Rasulullah SAW P2: Seorang wanita yang kematian anak P3: al-Faḍl ibn al-‘Abbās RA
E	<i>Ends</i>	Rasulullah SAW ingin menegur perlakuan wanita yang menangis kerana meratapi kematian anaknya di kubur dan menyampaikan pesanan supaya bersabar.
A	<i>Act Sequence</i>	Rasulullah SAW menegur perlakuan seorang wanita yang kurang disenanginya dan terdapat tindak balas dari wanita berkenaan kerana beliau tidak mengenali Rasulullah SAW.
K	<i>Key</i>	Terdapat teguran dan tindak balas daripada wanita yang ditegur dan Rasulullah SAW menzahirkan ganjaran kepada amalan sabar ketika ditimpa musibah dengan menggunakan pendekatan partikel penegas di permulaan komunikasi dan penggunaan elemen Kinayah.
I	<i>Instrumentalities</i>	Bahasa lisan dengan menggunakan pendekatan partikel penegas <i>إِنَّمَا</i> dan Kinayah.
N	<i>Norm of Interaction and Interpretation</i>	Komunikasi berlaku mengikut aturan iaitu Rasulullah SAW menegur perlakuan, ada tindak balas daripada lawan tutur dan Rasulullah SAW menyempurnakan nasihatnya.
G	<i>Genre</i>	Memberi teguran dan nasihat.

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa peristiwa ini berlaku antara Rasulullah SAW dengan seorang wanita dan seorang lelaki yang menegur perbuatan wanita berkenaan memarahi Rasulullah SAW. Wanita berkenaan tidak diketahui namanya. Manakala lelaki yang menegur wanita berkenaan ialah al-Faḍl ibn al-‘Abbās RA (Ibn Hajar, 1989). Peristiwa ini berlaku di dua tempat yang berbeza iaitu di kawasan perkuburan dan di rumah Rasulullah SAW. Berdasarkan hadis riwayat Muslim (1998), diketahui bahawa yang meninggal dunia ialah anak kepada wanita berkenaan.

Berdasarkan teguran dan nasihat Baginda SAW supaya wanita berkenaan bersabar dapat difahami bahawa wanita berkenaan menangis di atas kubur anaknya dengan kuat melebihi had yang diharuskan. Lantas Baginda SAW menegur perlakuan berkenaan (Ibn Hajar, 1989). Rasulullah SAW memulakan nasihat Baginda SAW dengan menggunakan partikel *إِنَّمَا* di permulaan ayat. Dalam perbincangan balaghah, partikel ini dinamakan *adāt al-ḥaṣr* (أداة الحصر) yang digunakan untuk membataskan sesuatu. Kemudian diikuti dengan perkataan *الصَّبْرُ* iaitu kata nama yang didepani dengan partikel *alif lām al-ta’rīf*. Fungsi *alif lām al-ta’rīf* ialah menunjukkan makna kesempurnaan pada sesuatu (al-Samarrāī, 2009). Justeru, penggunaan partikel *إِنَّمَا* bersama dengan perkataan *الصَّبْرُ* dengan ragam sedemikian seakan mengisyaratkan bahawa maksud yang dihasratkan ialah orang yang dianggap sebagai penyabar yang sebenarnya. Oleh hal yang demikian, para sarjana hadis mengaitkan kesabaran dalam ungkapan ini dengan makna kesabaran yang sebenar seperti yang dituntut oleh agama. Sikap sabar sebeginilah yang dipuji dan diganjar pahala. Misalnya, al-Nawawī (1994), mentafsirkan maksud sabar dalam

ungkapan ini sebagai kesabaran yang sebenar yang dijanjikan dengan pahala yang besar kerana banyaknya kesukaran yang dihadapi ketika itu.

Terdapat juga penggunaan rangkaian kata الصَّدْمَةُ الْأُولَى. Dari sudut bahasa, perkataan الصَّدْمَةُ bermaksud perlanggaran antara satu benda yang keras dengan benda yang keras juga (Ibn Manzūr, 1999). Dalam konteks *amthāl* ini, perkataan ini digunakan secara Kinayah untuk menunjukkan makna sesuatu musibah yang menimpa seseorang manusia secara mengejut dan tiba-tiba (Ibn al-Athīr, 1963). Rasulullah SAW mengumpamakan peritnya musibah seumpama itu seperti satu perlanggaran yang kuat atau rempuhan batu pejal yang berat. Kesannya akan melemahkan diri, meruntuhkan jiwa, dan amat menyeksakan (al-Sharīf al-Rāḍī, 1937). Sekiranya manusia dapat bersabar dalam situasi berkenaan, tetap pendirian dalam keadaan itu, menerima ketetapan tuhan dan tidak melakukan tindakan yang seakan menolak ketetapan ilahi, maka dia akan mendapat ganjaran yang besar seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT. Hal ini kerana sesuatu yang menimpa manusia ketika dia dalam keadaan alpa atau datang secara mengejut, kesannya lebih perit serta sukar ditanggung oleh seseorang. Justeru, terdapat elemen Kinayah simbolik sifat pada rangkaian kata berkenaan.

## 5. KESIMPULAN

Kinayah salah satu daripada elemen bayan yang digunakan dalam komunikasi Rasulullah SAW untuk menyampaikan sesuatu mesej. Kinayah Baginda SAW berfungsi untuk mewarnai bahasa, mengindahkan bentuk, menghaluskan makna serta mempengaruhi khalayak terhadap idea yang dihasratkan. Rasulullah SAW memanipulasi pendengar dengan pelbagai elemen Kinayah dan pendekatan dalam pertuturannya. Baginda SAW menerapkan Kinayah simbolik diri ketika berkomunikasi dengan pengemudi unta dalam konteks memberi arahan, dengan para sahabat dalam konteks menyampaikan bimbingan agama, dengan orang yang berpengaruh dalam konteks memberi wasiat dan Kinayah simbolik sifat ketika berkomunikasi dengan seorang ibu yang kematian anak dalam konteks memberi nasihat.

Keistimewaan Kinayah ialah Baginda SAW mengaplikasi unsur-unsur figuratif yang diambil dari persekitaran yang hampir dengan pendengar seperti botol baca, hati yang basah, antara dua tulang rahang dan antara dua kaki dengan berkesan dalam menyampaikan mesejnya. Pendekatan yang digunakan seperti penguguran kata, penggunaan partikel tertentu dan pemilihan gaya bahasa tertentu menambahkan lagi keberkesanan dalam komunikasi. Ungkapan ringkas yang diterapkan tetapi berfungsi menyumbang makna yang sangat luas membuktikan kepetahan Baginda SAW. Seterusnya, kewujudan sejumlah elemen Kinayah ini dalam komunikasi Baginda SAW dengan pendengar menunjukkan kecenderungan Baginda SAW terhadap elemen ini dalam menghiasi kata bagi menyampaikan mesej kepada umatnya. Justeru, kajian ini merumuskan peri pentingnya golongan yang menceburi bidang berkaitan hadis Rasulullah SAW menguasai elemen linguistik dan perkaitannya dengan konteks untuk lebih mendalami maksud sabdaan Baginda SAW.

## 6. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan terutamanya Prof. Madya Dr. Mohd Ridwan Abdul Wahid dan staf di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

## RUJUKAN

‘Abbās, F. H. (2009). *al-Balāgha: Funūnuhā wa afnānuhā*. Amman: Dār al-Nafā’is.

al-‘Alawī, Y. (2002). *Al-Ṭirāz al-mutaḍammīn li asrār al-balāghat wa ‘ulūm ḥaqā’iq al-i’jāz*. Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyah.

‘Atīq, A. A. (1998). *Fī al-balāghah al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍat al-‘Arabiyyah.

‘Atīq, A. A. (t.th.). *Fī tāriḫ al-balāghah al-‘Arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahḍat al-‘Arabiyyah.

al-‘Aynī, M. (2005). *‘Umdat al-Qārī*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Abū 'Awdah, A. K. (1990). *Ibnā' al-jumlah fi al-ḥadīth al-nabawī al-sharīf fi al-Ṣaḥīḥayn*. Amman: Dār al-Bashīr.
- Abū 'Umar, Y. (1992). *al-Istī'āb fī ma'rīfat al-aṣḥāb*. Beirut: Dār al-Jayl.
- Aḥmad, H. (2008). *Musnad al-Imām Aḥmad*. t.tp.: Jam'iyat al-Makniz al-Islāmī.
- al-Bukhārī, M. (2010). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār Ibn Ḥāzim.
- Che Mat Amin, N. S & Abdullah M. N. (2021). Analisis kinayah dalam hadith Riyad al-Salihin. *International Journal of West Asian Studies*, 13, 1-14. Diperolehi daripada <https://ejournal.ukm.my/ijwas/article/view/52642>.
- Ḥamadī, M. D. (1982). *al-Ḥadīth al-nabawī al-sharīf wa āthāruhu fī al-dirāsāt al-lughawiyah wa al-naḥwiyah*. Beirut: Mu'assasah al-Maṭbū'at al-'Arabiyah.
- Ḥamūd, M. (2010). al-Ikhtirā' fī al-kināyat al-nabawiyah wa āthāruhu fī kalām al-'Arab. *Majalah Jāmi'ah Dimashq Li al-'Ulūm al-Iqtisādīyah wa al-Ḥadīthiyah*, 1(26), 699-728. Diperolehi daripada <https://search.mandumah.com/Record/74881>.
- Hussin, M., & Abd Rahman, M. Z. (2018). Fungsi elemen kinayah dalam amthal Rasulullah SAW. Dlm. I. Abd Khalid et al. (Pnyt.), *Proceeding of the 5th World Conference on Islamic Thought & Civilization* (pp. 27-44), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia: Universiti Sultan Azlan Shah.
- Hymes, D. (1986). *Models of the interaction of language and social life*. Dlm. Gumperz, J. P., & Hymes, D. (Pnyt.), *Directions in Sociolinguistics, the Ethnography of Communication*. UK: Basil Balckwell.
- Ibn al-Athīr, M. (1963). *al-Nihāyat fī gharīb al-ḥadīth wa al-āthār*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣrī.
- Ibn al-Athīr, N. A. (1998). *al-Mathal al-sā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr, A. (2012). *Asd al-ghābah fī ma'rīfat al-ṣaḥābah*. Beirut: Dār Ibn Ḥāzim.
- Ibn Fāris, A. (1994). *Mu'jam al-maqāyis fī al-lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, A. (1989). *Fath al-bārī fī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ḥamzah, I. (1982). *al-Bayān wa al-ta'rīf fī asbāb wurūd al-ḥadīth al-sharīf*. Beirut: al-Maktabat al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hishām, J. D. (1999). *Mughnī al-labīb 'an kutub al-a'ārib*. Beirut: al-Maktabat al-'Aṣriyyah.
- Ibn Kathīr, I. (1983). *al-Fuṣūl fī sirah al-rasūl*. Damsyik: Mu'assasah 'Ulūm al-Qur'ān.
- Ibn Kathīr, I. (1992). *al-Bidāyat wa al-nihāyah*. Beirut: Maktabat al-Ma'ārif.
- Ibn Manzūr, M. (1999). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Jāḥiẓ, A. U. (1968). *al-Bayān wa al-tabyīn*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Jurjānī, A. Q. (1999). *Asrār al-balāghah*. Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- al-Jurjānī, A. Q. (2001). *Asrār al-balāghah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Maydānī, A. M. (1992). *Majma' al-Amthāl*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- al-Mu'allimī, Y. (1994). *al-Amthāl wa al-shawāhid fī al-ḥadīth al-sharīf*. Riyadh: Dār al-Mu'allimi li al-Nashr.

- al-Mubarrid, M. (1998). *al-Kāmil fī al-lughah wa al-adab*. Arab Saudi: Wizārat al-Shu'ūn al-Islāmiyyat.
- Muslim, H. (1998). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Salām.
- al-Nawawī, M. D. (1994). *al-Minhāj: Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Qaṭāmish, A. M. (1988). *al-Amthāl al-'Arabiyyah: Dirāsah tārīkhiyyah taḥlīliyyah*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-Rāmahurmuzī, H. (1983). *Amthāl al-ḥadīth*. Bombay: Dār al-Salafiyyah.
- al-Ṣabbāgh, M. (1988). *al-Taswīr al-fannī fī al-ḥadīth al-nabawī*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Samarrā'ī, F. (2009). *Ma'ānī al-naḥwī*. Amman: Dār al-Fikr.
- Saraswati, Y., & Rohmat, R. (2022). Kategorisasi kinayah dalam juz 30 (studi analisis ilmu bayan). *A Jamiy: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 11(1), 32-45. <http://dx.doi.org/10.31314/ajamiy.11.1.32-45.2022>.
- al-Shak'ah, M. (1995). *al-Bayān al-muḥammadī*. t.tp.: al-Dār al-Miṣriyyat al-Lubnāniyyah.
- al-Sharīf al-Rādī, M. (1937). *al-Majāzāt al-nabawiyyah*. Mesir: Maktabah Mustafa al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Sharqāwī, S. (1989). *Ma'ājim gharīb al-ḥadīth wa al-āthār wa al-istishhād bi al-ḥadīth fī al-lughah wa al-naḥw*. Kaherah: Maktabah al-Khanjī.
- Sulong, W. M. W. (2013). *al-Tanawwu' al-lughawī al-ijtimā'i fī uslūb al-khiṭāb al-nabawī: Dirāsah taḥlīliyyah fī namādhij min aḥādīth Ṣaḥīḥ Muslim*. (Unpublished doctoral thesis). International Islamic University of Malaysia, Malaysia.
- Ṭāhir, H. (2004). *al-Amthāl al-nabawiyyah fī Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Dirāsah lughawiyyah dilāliyyah*. (Unpublished master's thesis). Jāmi'ah al-Najāh al-Waṭaniyyah, Palestine.
- al-Tha'ālubī, A. M. (1983). *al-Tamthīl wa al-muḥāḍarah*. Riyadh: Dār al-'Arabiyyat li al-Kitāb.
- al-Tha'ālubī, A. M. (t.th.). *Fiqh al-lughah wa sirr al-'arabiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr.

### Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

